

29 MAR 2000

137 BAHAGIAN UMNO SELESAIKAN MESYUARAT PERWAKILAN

KUALA LUMPUR, 29 Mac (Bernama) -- Sejumlah 137 daripada 165 bahagian Umno telah mengadakan mesyuarat perwakilan masing-masing setakat ini, termasuk dua bahagian di Sabah yang mengadakan mesyuarat hari ini.

Kedua-dua bahagian itu, Kinabatangan dan Silam mencalonkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai presiden dan Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi sebagai timbalan presiden untuk pemilihan Majlis Tertinggi Umno pada Mei ini.

Dengan pencalonan terbaru ini, Perdana Menteri kini mengumpul 136 pencalonan sementara Timbalan Perdana Menteri pula mengumpul 135 pencalonan.

Kedua-dua mereka sudah secara tidak rasmi menang tanpa bertanding untuk jawatan-jawatan tertinggi Umno itu.

Bagi jawatan naib presiden pula Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Ketua Menteri Sabah Datuk Osu Sukam, masing-masing mendapat dua pencalonan lagi menerusi kedua-dua bahagian itu.

Ini menjadikan jumlah pencalonan yang dikumpul oleh Najib setakat ini ialah 124 manakala Osu pula 32 pencalonan.

Dua lagi calon naib presiden yang turut mendapat pencalonan ialah Menteri Besar Negeri Sembilan Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad yang mendapat satu pencalonan dari bahagian Silam menjadikan jumlah pencalonannya 24 dan bekas Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Muhammad Taib, yang mendapat satu pencalonan dari bahagian Kinabatangan menjadikan jumlah pencalonannya juga 24.

-- BERNAMA

AFY RHM